

a world leader in **new** tropical agriculture

menjulang **ilmu** memacu **ekonomi**

- pertanian
- makanan
- kesihatan
- sains, teknologi dan kejuruteraan
- perhutanan dan alam sekitar
- sains sosial




2009

Laporan Tahunan
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Laporan Tahunan 2009 UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

Konsep reka bentuk Laporan Tahunan 2009 UPM menggabungkan **tiga elemen utama** yang mencorakkan perkembangan UPM sebagai institusi pengajian dan penyelidikan yang dinamik, iaitu **enam kluster penyelidikan**, Pertanian Tropika Baharu dan penekanan terhadap **ekonomi berpendapatan tinggi**.



Enam kluster penyelidikan menampilkan **Konsep kluster** penyelidikan UPM yang berperanan mengumpulkan pelbagai **disiplin kepakaran** bagi menyempurnakan projek penyelidikan. Enam kluster penyelidikan tersebut terdiri daripada **kluster Pertanian; Makanan; Kesihatan; Sains, Teknologi dan Kejuruteraan; Perhutanan dan Alam Sekitar; dan Sains Sosial**. Penstrukturan ini melambangkan **inisiatif Universiti** dalam menggalakkan **penyelidikan bersifat multidisiplin** bagi meningkatkan prestasi dan kegiatan penyelidikan di UPM.

"A World Leader in New Tropical Agriculture" pula mencerminkan **kebitaraan (niche)** UPM sebagai **peneraju disiplin pertanian tropika dunia**. Pertanian Tropika Baharu memberikan **dimensi baharu** terhadap pembangunan sektor pertanian bernilai tambah tinggi, yang berpacuan **perniagaan dan berorientasikan teknologi** selain memberikan penekanan terhadap **pembangunan lestari dan mesra ekosistem**.

Penekanan terhadap **budaya inovasi dan produktiviti** menggambarkan sokongan UPM terhadap peralihan negara kepada **ekonomi berpendapatan tinggi**. Ekonomi berpendapatan tinggi memerlukan **tenaga kerja yang berkualiti dan berinovatif** untuk penciptaan nilai. Justeru, UPM sentiasa meningkatkan pengukuhan institusi pengajiannya kerana **pendidikan bertaraf dunia** penting untuk mengembangkan **kemahiran yang kreatif**. Selaras dengan usaha itu, UPM turut memberikan tumpuan terhadap penjalnan rangkaian untuk meningkatkan **kesalinghubungan global dan serantau**.

Reka bentuk dan urus cetak : Penerbit UPM



“Berteraskan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan perkhidmatan profesional, UPM bertanggungjawab memupuk budaya inovasi dan produktiviti, menzahirkan inovasi berdasarkan kekuatan disiplin ilmu untuk merangsang model ekonomi berpendapatan tinggi”

...Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah Naib Canselor Universiti Putra Malaysia